

**TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI**  
**WISMA PANDU PUTERI, KUALA LUMPUR**  
**MAJLIS PENYERAHAN KUNCI BANGUNAN BARU**  
**22 NOVEMBER 1996**

1. Hari ini adalah hari yang paling indah bagi Persatuan Pandu Puteri Malaysia, kerana pada hari ini segala usaha susah-payah dan penat-lelah ahli-ahli daripada yang kecil hingga yang tua telah menjadikan impian itu satu kenyataan. Dalam usia Persatuan Pandu Puteri Malaysia yang ke-79 tahun ini, kita telah berjaya mendapatkan segala keperluan untuk menegakkan pendirian kita dan memperkukuhkan kegiatan Pandu Puteri di Malaysia.

2. Bangunan ini ialah testimoni kepada keazaman yang bermula sepuluh tahun yang lalu. Pada hari sambutan Persatuan Pandu Puteri Malaysia yang ke-70 iaitu pada tahun 1987, kita telah menyuarakan keinginan dan keperluan untuk Pejabat yang boleh menampung segala latihan dan kegiatan ahli-ahli. Terbayang-bayang sebuah Dewan serbaguna yang boleh disesuaikan untuk perhimpunan dan juga mesyuarat agung. Juga dibayangkan bilik-bilik seminar dan pejabat yang selesa.

3. Alhamdulillah, hari ini kita boleh berbangga kerana dengan bantuan dan ihsan Yang Berbahagia Tan Sri Halim Saad dari Renong Berhad juga trustee utama bagi Yayasan Saad, Persatuan Pandu Puteri Malaysia dapat menikmati kemudahan daripada sebuah Dewan yang indah ini, Pejabat yang selesa dan bilik-bilik seminar yang sesuai. Semua ini pasti dapat menyumbangkan ke arah pencapaian matlamat Persatuan Pandu Puteri Malaysia.

4. Bagi pihak ahli-ahli Persatuan Pandu Puteri Malaysia, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berbahagia Tan Sri Halim Saad kerana telah menderma RM1.4 juta kepada Persatuan Pandu Puteri Malaysia.

5. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' Jaafar bin Dato' Abd. Hamid, Pengurus Besar, United Engineers Malaysia atau U.E.M. kerana telah menderma RM80,000 ke arah kos Bangunan Baru ini. Sesungguhnya kemurahan hati dan kepakaran Yang Berbahagia Dato' Jaafar menjadikan beliau penggerak utama dalam Projek ini. Dato' Jaafar telah memberi tenaga kerja yang mahir dalam bidang pembinaan.

6. Mereka yang terlibat ialah Tuan Syed Azmi, Encik Md. Zan bin Ali dan Puan Ermawati Tashim. Ketiga-tiga mereka ini telah mengawasi segala-galanya kerana Persatuan Pandu Puteri Malaysia tidak ada ahli yang mempunyai kepakaran kejuruteraan binaan. Syabas dan terima kasih.

7. Kepada arkitek FAA terutama Tuan Haji Fazilah Persatuan Pandu Puteri Malaysia akan terhutang budi kerana beliau merancang pelan bangunan dan kerja-kerja perubahan dan penyesuaian dari mula hingga akhir.

8. Turut juga menyumbang ialah pakar perunding seperti HML iaitu Jurutera Perunding, JUB iaitu Juruukur Bahan dan J&A iaitu sebuah Jurutera Perunding dan juga Mr Yew Cheng Loon, Pengurus Metna Construction Sdn. Bhd.

9. Saya percaya Persatuan Pandu Puteri Malaysia amat terharu dengan pemberian derma sebanyak RM2.2 juta ini.

10. Saya difahamkan pihak Persatuan Pandu Puteri juga telah memohon derma dan tajaan daripada orang perseorangan dan korporat-korporat untuk membantu dan melengkapkan bangunan ini.

11. Sebenarnya Persatuan Pandu Puteri Malaysia ini adalah sangat bertuah kerana ramai yang bersimpati dan menyokong prinsip-prinsip dan kegiatan Pandu Puteri. Saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada semua penaja-penaja yang budiman termasuk Yang Amat Berbahagia Tun Ismail Ali, Tan Sri Azman Hashim, Tan Sri Low Yow Chuan, Dato Nik Kamarudin, Goucera & Seacera, Encik Yew Cheng Loon (Kontraktor Bangunan) dan lain-lain.

12. Saya yakin Persatuan Pandu Puteri Malaysia boleh membuktikan bahawa segala sumbangan derma dan tajaan akan dibayar balik, bukan dengan wang tetapi dengan keringat dan kerajinan ahli-ahli mengembleng tenaga mengembangkan dan merancang pemantapan latihan pemimpin-pemimpin supaya matlamat Kepanduan yang berdasarkan kepada nilai-nilai murni dalam undang-undang Pandu Puteri serta dengan ikrar Persetiaan akan tercapai. Matlamat Pandu Puteri adalah matlamat negara - menghasilkan rakyat yang berguna dan produktif.

13. Kita akan mendidik anak-anak gadis secara informal menjadi warganegara yang perihatin dan penyayang, amanah dan berdisiplin, bahagia dan berwawasan. Saya telah difahamkan juga bahawa Bangunan Baru ini belum boleh diduduki, tetapi kerja-kerja menyiapkan dan melengkapkan segala keperluan akan berlangsung sebaik sahaja sijil 'Certificate Of Fitness' dikeluarkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah memberi segala kemudahan dan kerjasama kepada Persatuan Pandu Puteri untuk melicinkan proses perancangan dan pembinaan bagi semua pihak. Terima kasih saya ucapkan kepada Dewan Bandaraya terutama kepada Yang Berbahagia Dato' Noordin bin Razak dan Dato' Abdul Ghani bin Rais.

14. Saya percaya Persatuan Pandu Puteri Malaysia sekarang boleh bernafas dengan lega kerana pendapatan bulanan akan bertambah dengan penyewaan semua bilik di tingkat 2, 3 dan 4 dan dapat membayar gaji pekerja dan menampung kegiatan-kegiatan Kepanduan dan Latihan bagi pemimpin supaya bersedia memasuki zaman yang lebih mencabar pada masa depan.

15. Tuah Persatuan Pandu Puteri Malaysia dalam masa dua tiga tahun ini semakin cerah. Selain daripada Bangunan Baru, Renong Berhad juga melalui Park May akan memberi sebuah bas eksekutif yang serba lengkap dengan hawa dingin dan

kusandar, yang boleh memuatkan 24 orang Pandu Puteri. Jelaslah Persatuan Pandu Puteri Malaysia mesti membuktikan bahawa ahli benar-benar patut menerima sumbangan-sumbangan ini. Saya berharap Persatuan Pandu Puteri akan menjalankan semua projek yang telah dirancangkan. Kepada Renong Berhad dan Park May bagi pihak Persatuan Pandu Puteri Malaysia, ribuan terima kasih diucapkan.

16. Saya sarankan supaya Persatuan Pandu Puteri menghimpun wang dan melengkapkan satu persatu. Insya-Allah pada tahun 2000 - Persatuan Pandu Puteri Malaysia akan bersedia dengan segala kemudahan untuk menyambut Era Baru.

17. Sebagai pengakhir kata saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yayasan Saad, U.E.M., Semua Penaja dan Penderma kerana telah membantu Persatuan Pandu Puteri Malaysia dalam usaha mendidik anak-anak muda dalam masa remaja mereka, memberi semangat dan harapan supaya dapat membantu diri sendiri dan bersedia menolong orang setiap masa selaras dengan moto Persatuan Pandu Puteri - 'Be Prepared' : Selalu Sedia.